



1. JAWATAN	: JURUTEKNIK MAKMAL KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: KEMENTERIAN KESIHATAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: M.8 EB.9 (\$1,485 - \$2,315 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Juruteknik Makmal atau jawatan sebanding dalam tanggagaji M.4 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTEKNIK MAKMAL KANAN:

1. Menjalankan ujian makmal ke atas spesimen pesakit dan tugas yang berkaitan serta apa-apa jua tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.
2. Bertanggungjawab dalam kesempurnaan ujian makmal dengan mengawasi pengawalan mutu ujian.
3. Memahami kaedah analitikal dan prinsip mesin.
4. Memantau pelaksanaan proses penerimaan spesimen dan pengendalian proses pre-analitikal.
5. Membuat pemeliharaan ke atas mesin-mesin dan menyediakan *reagents* untuk digunakan dalam ujian-ujian makmal.



6. Membantu menyelia kakitangan bawahan.
7. Bersedia untuk ditempatkan dan berkhidmat di mana-mana makmal di keempat-empat daerah di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal.
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai lebih kanan dari semasa ke semasa.